

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2018 (ISNIN)**

**SOALAN : 47**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk melaksanakan dengan segera projek memperlebarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang termasuk pembinaan tempat parkir kereta bertingkat yang baru kerana semua kemudahan yang sedia ada tidak mampu menampung peningkatan pelancong yang makin meningkat.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2017 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.2 juta penumpang iaitu 111% daripada kapasiti sedia ada. Dalam hubungan ini, Kerajaan komited menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP dengan mengambil langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka panjang agar mutu perkhidmatan kepada para pengguna dapat dipertingkatkan seiring pembangunan pesat industri pelancongan di Pulau Pinang.

Sebagai langkah mitigasi jangka pendek, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang merancang untuk melaksanakan *terminal optimization* bagi mengurangkan kesesakan penumpang terutamanya dalam waktu sesak (*peak hour*). *Terminal optimization* dijangka akan disiapkan pada suku kedua tahun 2019. Antara skop kerja yang terlibat dalam *terminal optimization* ini ialah penempatan semula kaunter tiket syarikat penerbangan, penambahan dan pembesaran bagi kaunter daftar masuk dan kaunter imigresen serta mengubahsuai lokasi *baggage reclaim carousel*.

Pada ketika ini pihak MAHB masih dalam proses penyediaan dokumen tender bagi melantik kontraktor. Kerja-kerja ubahsuai akan mengambil masa 5 bulan dan dijangka siap pada Februari 2019.

Sebagai langkah jangka panjang pula, MAHB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 6.5 juta penumpang setahun (mppa) kepada kapasiti 12 mppa. Dalam hubungan ini, pihak MAHB sedang melaksanakan proses perantikan juruperunding yang dijalankan melalui proses tender terbuka.

Perincian kos keseluruhan projek pembesaran LTAPP adalah tertakluk kepada kajian terperinci yang akan dilaksanakan oleh pihak juruperunding yang akan dilantik dan kaedah pembiayaan yang dipilih. Kerajaan akan mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang *cost effective*.

Projek Pembangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat berkapasiti 3,500 lot dirancang untuk dibina melalui 2 fasa iaitu Fasa 1 (1,700 lot) dan Fasa 2 (1,800 lot). Fasa 1 dijangka mula pembinaan pada Ogos 2018. Tempoh pembinaan bagi Fasa 1 adalah 18 bulan dan melibatkan pembinaan sebanyak 7 tingkat. Manakala bagi Fasa 2 pula, sebanyak 1,800 lot akan dibina. Namun ianya bergantung kepada permintaan selepas Fasa 1 mula beroperasi.